

## AL-MAFQUD ACCORDING TO HADITH AND ITS IMPACT ON SEPARATE PROPERTY: A LITERATURE REVIEW

### AL-MAFQUD MENURUT HADITH DAN IMPAKNYA TERHADAP HARTA SEPENCARIAN: SATU KAJIAN LITERATUR

**Fitratallah Abdul Rahman, Ahmad Zaim Mohamed Hassim & Hasiah Mat Salleh**

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

#### *Abstract*

*Al-mafqud is a person who is missing nowhere and no news regarding his life. Al-mafqud is crucial to discuss especially someone is missing and does not know about his life and death. The missing person issue also has a big impact on the management and distribution of property, especially on matrimonial property claims and until now Malaysia has unclaimed al-mafqud property amounting to an estimated RM 6.6 billion. This study aims to look at the outcome of al-mafqud on the management of matrimonial property based on hadith. It accords with the second source of Islamic jurisprudence of Islamic law. The methodology of this study is through a qualitative approach with data collection from library sources and authoritative websites. The results of the study found that the hadiths related to al-mafqud explained the concept of al-mafqud clearly and its effect on property. Yet, the explanation is vague which the relation of al-mafqud affects matrimonial property. The descriptions of the hadiths are of a general nature showing the effect of al-mafqud on property and the need for property management after death caused by loss. This study shows that the details of the appropriate methods and periods for the management of matrimonial property after death due to missing person need to be discussed and studied by future researchers.*

**Keywords:** *al-Mafqud, Matrimonial property, Hadith*

#### **Abstrak**

Al-mafqud adalah orang yang terputus berita mengenainya sehingga tidak diketahui samada masih hidup atau telah meninggal dunia. Isu berkaitan al-mafqud ini sangat penting untuk dibincangkan terutama apabila menyebabkan kehilangan dalam tempoh yang lama dan tidak ketahui hidup dan matinya. Isu kehilangan ini juga memberi kesan yang besar dalam pengurusan dan pembahagian harta khususnya terhadap tuntutan harta sepencarian sehingga pada masa kini Malaysia mempunyai harta al-mafqud yang tidak dituntut berjumlah anggaran RM6.6 billion. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat kesan al-mafqud terhadap pengurusan harta sepencarian berdasarkan hadith. Ia bertepatan dengan sumber perundangan Islam kedua syariat Islam. Metodologi kajian ini adalah melalui pendekatan kualitatif dengan

#### **Penulis Utama:**

Fitratallah Abdul Rahman

Jabatan Syariah,

Fakulti Pengajian Islam,

Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah

#### **E-mel:**

fitratallahrahman@gmail.  
com

pengumpulan data dari sumber-sumber perpustakaan dan laman sesawang yang berwibawa. Hasil kajian mendapati hadith-hadith yang memperincikan berkaitan al-mafqud menjelaskan konsep al-mafqud dan kesannya terhadap harta. Namun huraian adalah tidak terperinci menunjukkan bahawa al-mafqud memberi kesan terhadap harta sepencairan. Huraian hadith-hadith adalah bersifat umum yang menunjukkan kesan al-mafqud terhadap harta dan keperluan untuk pengurusan harta selepas kematian yang disebabkan kehilangan. Kajian ini menunjukkan bahawa perincian kepada kaedah dan tempoh yang sesuai bagi pengurusan harta sepencairan selepas kematian disebabkan oleh kehilangan masih mempunyai ruang untuk perbincangan dan pengkajian oleh para pengkaji akan datang.

**Kata kunci:** al-Mafqud, Harta Sepencarian, Hadith.

## Pengenalan

Islam telah jelas menceritakan kepada kita melalui hadith-hadith bagaimanakah menguruskan harta-harta orang yang dianggap mati "*al-mafqud*". Namun begitu ia hanya melibatkan harta pusaka atau harta yang difaraidkan kepada ahli waris. Jadi bagaimanakah menguruskan harta-harta yang dituntut sebagai harta sepencairan *al-mafqud*? Adakah ia boleh dituntut dan termasuk dalam hukum syarak? Dalam kajian ini, Penulis akan menyentuh apakah yang dimaksudkan dengan *al-mafqud*, definisi, sorotan kajian dan *al-mafqud* menurut hadith-hadith yang berkaitan dan kesan *al-mafqud* terhadap harta sepencairan menurut hadith.

### a) Definisi *Al-Mafqud*

Perkataan *Al-Mafqud* dari sudut bahasa berasal daripada kata dasar bahasa arab iaitu "*fa qa da*" yang membawa maksud hilang atau lenyap. Sebagai contoh, seorang wanita telah kehilangan kerana kematian suaminya atau anaknya atau sahabat karibnya (Ibnu Manzur, 1414).

Adapun *Al-Mafqud* dari sudut istilah, para ulama mempunyai takrifan yang berbeza.

1. Hanafi  
*Al-Mafqud* menurut ulama mazhab Hanafi adalah seseorang yang hilang dan tidak diketahui statusnya samada masih hidup atau telah mati (Al-Hammam, 1993).
2. Maliki  
Ulama Mazhab Maliki mentakrifkan *Al-Mafqud* sebagai seseorang yang terputus khabarnya dan hilang, atau seseorang yang menjadi tawanan namun masih diketahui khabarnya, atau seseorang yang hilang samada di negara Islam ataupun negara musuh, atau seseorang yang hilang ketika wabak, atau seseorang yang hilang ketika perang samada perang antara orang kafir ataupun perang sesama orang Islam.
3. Syafie  
*Al-Mafqud* menurut Mazhab Syafie didefinisikan sebagai seseorang yang hilang dari negaranya dalam tempoh masa yang lama dan terputus khabarnya serta tidak diketahui bagaimana keadaannya samada masih hidup ataupun telah meninggal dunia (Mustafa Khin, 1992).
4. Hanbali

*Al-Mafqud* menurut Ibnu Qudamah dari mazhab Imam Ahmad Bin Hanbal mempunyai dua takrifan iaitu:

- i. Seseorang yang hilang tetapi diketahui khabarnya.
- ii. Seseorang yang hilang dan terputus khabarnya serta tidak diketahui keberadaannya. (Ibnu Qudamah, 620 H)

Berdasarkan beberapa definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *Al-Mafqud* membawa maksud seseorang yang hilang dari keluarganya, yang mana terputus khabarnya dan tidak diketahui keberadaannya secara pasti serta tidak diketahui statusnya sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia.

#### **b) Tempoh Masa *Al-Mafqud***

Tiada sebarang nas syarak mahupun dalil khusus dalam penentuan tempoh yang tertentu bagi seseorang yang hilang. Oleh itu, para ulama meletakkan perkara tersebut sebagai perkara Ijtihadiyah dan mereka berbeza pendapat dalam menentukan tempoh bagi seseorang yang hilang itu dianggap telah mati.

##### **1. Hanafi**

Ulama Hanafi menetapkan bahawa seseorang yang hilang disabitkan kematiannya setelah umurnya telah mencecah 120 tahun. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu hilang ketika dia berumur 50 tahun, maka tempoh selama 70 tahun diperlukan bagi mensabitkan orang yang hilang itu meninggal dunia. Ini merupakan pandangan daripada Hassan Bin Ziyad. Selain itu, ada ulama yang melihat sesuatu tempoh untuk mensabitkan kematian orang yang hilang berdasarkan purata umur manusia pada generasinya seperti Abu Yusof yang menetapkan kematian bagi orang yang hilang pada usia 100 tahun kerana kebanyakan orang pada zamannya tidak hidup pada usia lebih dari 100 tahun (Al-Sarakhsi, 1993).

##### **2. Maliki**

Bagi mazhab maliki, terdapat 4 keadaan untuk menentukan tempoh bagi orang yang hilang itu dianggap telah mati.

- i. Keadaan pertama adalah apabila seseorang itu hilang di negara Islam. Bagi situasi seperti ini, seseorang yang hilang di negara Islam disabitkan kematiannya setelah mencapai tempoh 4 tahun dari waktu kehilangannya. Setelah mencapai tempoh 4 tahun tersebut, isteri hendaklah beriddah dalam tempoh yang sama seperti seseorang yang kematian suaminya iaitu 4 bulan 10 hari dan setelah habis iddahya maka dia dibenarkan untuk berkahwin dengan lelaki lain (Malik, 240 H). Hal ini berdasarkan keputusan yang Umar Al-Khattab apabila terdapat kes wanita yang kehilangan suaminya tanpa khabar;

*“Bagi wanita yang kehilangan suaminya dan dia tidak mengetahui keberadaan suaminya maka dia wajib menunggu selama 4 tahun, kemudian beriddah selama 4 bulan 10 hari, setelah itu halal baginya (untuk berkahwin)”. [H.R Malik]*

- ii. Keadaan kedua bilamana seseorang itu hilang di negara bukan Islam maka tidak boleh disabitkan kematiannya kecuali terdapat bukti yang kuat ataupun sekiranya orang yang hilang itu telah mencapai usia yang mustahil bagi

seseorang itu masih hidup dan Imam Malik serta Ibnu Qasim telah menetapkan usia 80 tahun (Zulkifli, 2017). Manakala Ibnu Arafah berpandangan bahawa seseorang yang hilang di negara bukan Islam dianggap telah meninggal dunia setelah usianya mencapai 75 tahun.

- iii. Keadaan ketiga adalah apabila seseorang itu hilang ketika dalam peperangan dengan orang kafir. Bagi hal ini, terdapat empat pandangan iaitu yang pertama orang yang hilang itu sama seperti hukum orang yang ditawan musuh. Yang kedua, orang yang hilang itu diletakkan sama dengan hukum orang yang mati dibunuh. Ketiga, hukum orang yang hilang itu sama dengan hukum orang yang hilang di negara Islam. Keempat, orang yang hilang ketika peperangan dengan orang kafir itu diletakkan sama dengan hukum orang yang hilang di negara bukan Islam (Abdul Hakim Hamada, 2009). Menurut Imam Malik dan Abu Qasim, isteri orang yang hilang ketika peperangan dengan orang kafir perlu menunggu selama satu tahun dan harus beriddah selepas itu (Zulkifli, 2017).
- iv. Keadaan keempat adalah apabila seseorang itu hilang ketika peperangan sesama muslim. Bagi seseorang yang hilang ketika peperangan sesama Muslim, ulama mempunyai pelbagai pendapat antaranya isteri harus menunggu selama satu tahun dan beriddah setelah itu atau ditentukan oleh ijtihad pemerintah (Zulkifli, 2017). Pandangan lain, orang yang hilang dalam peperangan sesama orang Muslim diletakkan sama dengan hukum orang yang ditawan. Oleh itu, isteri tidak boleh berkahwin dengan orang lain dan tidak boleh dibahagikan hartanya sehingga disahkan kematiannya (Abdul Hakim Hamada, 2009).

### 3. Syafie

Mazhab Syafie menetapkan seseorang yang hilang itu diisytihar telah meninggal dunia setelah usianya mencecah usia 90 tahun (M.A Sulaiman & W.Z Wan Yusof, 2016). Imam al-Syafie dalam qaul qadim ataupun pendapat yang lamanya berpandangan bahawa tempoh menunggu orang yang hilang adalah 4 tahun dan ditambah dengan tempoh 'iddah selama 4 bulan 10 hari (Al-Bakri, 2017). Adapun dalam qaul jadid ataupun pendapat baru, Imam Syafie tidak menetapkan tempoh waktu yang tertentu bagi orang yang hilang dan bagi isteri yang kehilangan suaminya tanpa khabar atau tidak diketahui statusnya sama ada masih hidup, telah mati ataupun menjadi tawanan tidak boleh bernikah dengan lelaki lain buat selama-lamanya dan tiada iddah padanya sehingga dipastikan dengan yakin bahawa suaminya telah meninggal dunia atau suaminya telah mentalaqqannya.

### 4. Hanbali

Menurut ulama dari kalangan Mazhab Hanbali, tempoh bagi mafqud terbagi kepada dua keadaan iaitu:

- i. Keadaan yang pertama bilamana kehilangan seseorang itu pada zahirnya berada dalam keadaan selamat seperti membuat perjalanan untuk berdagang di suatu tempat yang aman atau mengunjungi sesuatu tempat bagi tujuan menuntut ilmu. Dalam hal yang seperti ini menurut pandangan Mazhab Hanbali, perkahwinan seseorang yang hilang dianggap masih wujud dan isterinya tidak boleh bernikah dengan lelaki lain serta orang yang hilang dalam keadaan seperti ini tidak boleh disabitkan kematiannya sehingga terdapat bukti akan kematiannya atau umurnya telah mencapai 90 tahun setelah kelahirannya kerana mereka

berpandangan pada zahirnya, tidak ramai manusia yang hidup lebih dari usia 90 tahun (Mughni Ibn Qudamah). Pendapat lain mengatakan dalam menentukan tempoh waktu orang yang hilang hendaklah diserahkan kepada ijtihad hakim atau pemerintah (Al-Bakri, 2017).

- ii. Keadaan kedua adalah apabila kehilangan seseorang itu pada zahirnya berada dalam keadaan tidak selamat atau bahaya seperti hilang ketika berperang maka menurut mazhab hanbali, isteri hendaklah menunggu selama empat tahun dan setelah itu beriddah sebagaimana seseorang yang kematian suaminya iaitu empat bulan sepuluh hari ( Mughni Ibnu Qudamah)

## **SOROTAN KAJIAN**

Terdapat banyak kajian yang dilakukan berkaitan mafqud terutama selepas berlakunya kejadian tragedi MH370 (Mohamad & Sulaiman, 2015; Mohamed Hadi, 2014; Sulaiman, 2017; Wan Yusoff, Sulaiman, & Wan Zahari, 2019). Kajian yang dilakukan oleh Mohamad & Sulaiman, 2015 membincangkan isu mafqud dari aspek pengurusan pusaka ekoran kehilangan tersebut menyebabkan pembekuan ke atas harta sehingga pengisytiharan anggapan kematian diperolehi.

Kajian oleh Mohamed Hadi (2014) pula menfokuskan kepada perbandingan anggapan kematian menurut perundangan Syariah dan sivil di Malaysia dari aspek penilaian anggapan kematian tersebut dan prosiding di kedua-dua Mahkamah. Kajian ini hampir sama dengan kajian oleh Mohamad & Sulaiman yang menjelaskan kepentingan anggapan kematian bagi agihan harta pusaka. Mohd Muslim, 2016 juga dalam kajian mafqud perbandingan antara hukum syarak dan perlaksanaan di mahkamah sivil telah mengenalpasti masalah pentadbiran harta mafqud dengan mencadangkan satu model penyelesaian.

Penentuan anggapan mati ini juga telah dilakukan kajian oleh Kamarul, 2016 dan Salleh, 2017 yang menghuraikan pendapat para ulamak fiqh dan undang-undang di Malaysia berkaitan tafsiran anggapan kematian. Namun kajian Salleh (2017) mengetengahkan penentuan kematian berdasarkan pengiraan *taqdir dan al—jam’u*.

Namun kajian oleh Sulaiman (2017) pula agak berlainan kerana kajian beliau menghuraikan pengurusan harta mafqud dari aspek maqasid syariyyah. Begitu juga kajian oleh Wan Yusoff, Sulaiman, & Wan Zahari, 2019 yang memfokuskan kepentingan instrumen wakaf dalam membantu menyelesaikan isu kerugian keluarga, masyarakat dan negara apabila meningkatnya kadar harta mafqud yang beku.

Kajian oleh Wan Yusoff, Sulaiman, & Wan Zahari (2019) berbeza dengan kajian Hadi Abdul Hamid (2014) dan Sara Afiqah (2016) yang menfokuskan kesan mafqud kepada tuntutan bayaran takaful dalam aspek pembuktian kehilangan atau kematian. Mariyatul Qibtiyah (2015) pula mencadangkan agar perlu diwujudkan agensi khas untuk dapat melakukan urusan pengurusan harta mafqud secara lebih khusus dan efektif.

Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan mafqud amat sukar untuk melihat kajian mafqud yang mengupas aspek kesan kepada perkahwinan (Norazlina Abdul Aziz, Irini Ibrahim, & Mohd Norhusairi Mat Hussin, 2019) dan harta sepencarian (Halim, 2010). Kajian oleh Halim, 2010 ini menjelaskan kesan kematian terhadap harta sepencarian namun sedikit sahaja menjelaskan aspek mafqud ini. Kajian mafqud menurut hadith juga amat sedikit dan tidak dilakukan secara khusus terhadap hadith-hadith mafqud.

Oleh yang demikian kajian ini akan menfokuskan konsep *al-mafqud* menurut hadith dan kesannya terhadap harta sepencarian.

### ***Al-Mafqud Menurut Hadith***

Terdapat beberapa dalil berkaitan Al-Mafqud termasuklah hadith dari Rasulullah yang menjelaskan Al-Mafqud secara umum antaranya:

"Rasulullah SAW bersabda: Isteri orang yang hilang masih dianggap isterinya sehinggalah datang khabar" (Sunan Darul Qatni )

Berdasarkan hadith tersebut, dapat dijelaskan bahawa terdapat dua keadaan berkaitan *mafqud* iaitu:

- 1) Suami yang hilang namun diketahui keadaannya serta boleh dihubungi. Dalam keadaan ini, menurut ijmak para ulama bahawa si isteri adalah diharamkan dan tidak berhak untuk berkahwin lain melainkan jika terdapat kemudharatan seperti pengabaian nafkah dan setelah membuat pengaduan kepada qadhi bagi tuntutan fasakh.
- 2) Suami yang hilang namun tidak diketahui keadaannya dan terputus berita mengenainya serta tidak diketahui keberadaannya. Dalam situasi ini pula, para fuqaha telah berselisih pendapat iaitu:
  - i. Telah menceritakan kepadaku Yahya, dari Malik, dari Yahya Ibnu Sa'id, dari Sa'id Ibnu Musayyib "sesungguhnya Umar Ibnu Al-Khattab telah berkata: mana-mana wanita yang kehilangan suaminya dan dia tidak mengetahui akan keberadaannya, maka hendaknya dia menunggu selama empat tahun, kemudian hendaklah dia beriddah selama empat bulan sepuluh hari. Setelah itu halal baginya (untuk bernikah). (muwatho')
  - ii. Saidina Ali RA berkata: Perempuan yang kehilangan suaminya tidak boleh dinikahi. (Sunan kubra baihaqi)
  - iii. Ibnu Musayyib telah berkata:"sekiranya seseorang itu hilang ketika dalam barisan perang, maka isterinya hendaklah menunggu selama tempoh satu tahun." Ibnu Mas'ud pernah membeli seorang hamba wanita, lalu dia mencari pemiliknya selama satu tahun, tetapi tidak menemuinya dan hilang, maka dia memberi satu dirham dan dua dirham dan berkata, "Ya Allah atas nama si fulan. Apabila fulan itu datang, maka untukku dan menjadi tanggunganku." Dia berkata, "demikianlah hendaknya kamu lakukan terhadap barang temuan." Ibnu Abbas telah berkata sama sepertinya. Az-Zuhri telah berkata: tawanan yang diketahui tempatnya, "Isterinya tidak dibenarkan untuk bernikah dan hartanya tidak boleh dibahagi. Sekiranya terputus khabarnya dalam tempoh satu tahun, maka dianggap sepertimana orang yang hilang." (sahih bukhari)

### **Kesan Al-Mafqud Terhadap Pengurusan Harta Sepencarian Menurut Hadith.**

Harta sepencaraan ialah harta yang terkumpul sepanjang perkahwinan di antara suami dengan isteri. Harta tersebut sama ada harta alih atau harta tak alih. Amalan pembahagian harta sepencarian pada masa sekarang telah mendapat pengiktirafan oleh Undang-undang Keluarga Islam yang dikanunkan di seluruh Malaysia. Di negeri Pahang, Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005 mentafsirkan harta sepencarian "pendapatan atau harta yang didapati daripada modal yang diperolehi daripada usaha mereka bersama". Ternyata tuntutan harta sepencarian dan pelaksanaannya sebelum pembahagian harta pusaka adalah tidak berlawanan dengan hukum syarak. Ini termasuk tuntutan harta sepencarian yang melibatkan anggapan kematian "al-mafqud" Hal atau perkara yang perlu diselesaikan selepas berlakunya kematian ialah melunaskan hutang piutang simati dan wujudnya wasiat atau hibah kerana ia bersangkutan paut dengan hak orang lain. Namun begitu bagi kes sepencarian yang melibatkan orang yang

dianggap mati “al-mafqud” ianya memberi kesan besar kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti suami atau isteri dan waris-waris simati.\

**a) Kesan al-mafqud terhadap harta sepencarian :**

Sebelum dijelaskan apakah kesan-kesan atau impaknya terhadap harta sepencarian, Penulis perlu mengetahui apakah status al-mafqud itu sendiri.

Pertama: Al-mafqud secara zahirnya adakah ianya dianggap mati

Kedua: Al-mafqud secara zahirnya adakah ianya dianggap masih hidup

Jika al-mafqud secara zahirnya dianggap masih hidup, maka tuntutan harta sepencarian tersebut berkisar antara suami atau isteri sahaja. Manakala jika al-mafqud secara zahirnya dianggap mati, maka tuntutan harta sepencarian tersebut akan dibahagikan pula kepada waris simati.

Kesan al-mafqud terhadap harta sepencarian seperti berikut:

- i- Dari aspek hak selepas kematian: Jika pasangan masih dalam perkahwinan, harta sepencarian tersebut masih dimiliki oleh orang yang al-mafqud dan jika berlaku kematian, “orang yang berhak menuntut harta sepencarian selepas kematian adalah suami atau isteri si mati kerana ia adalah hak mereka berdua. Dalam kebanyakan kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian yang dilaporkan, penuntut/plaintif adalah isteri kepada si mati seperti dalam kes Bunga binti Ibrahim lwn Ila @ zila binti Abdullah dan Lain-lain.” (Miszairi Sitiris, Akmal Hidayah Halim 2010)
- ii- Dari aspek pusaka: Jika orang yang *al-mafqud* masih belum diketahui statusnya, pembahagian pusaka untuk kes harta sepencarian hendaklah ditangguh terlebih dahulu. Kehilangan ahli waris telah membantutkan beberapa usaha untuk pembahagian harta pusaka (Wan Zahari Wan Yusof, Muhammad Azwan Sulaiman, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari, 2019)
- iii- Dari aspek tuntutan harta sepencarian : Sebarang tuntutan boleh dibuat oleh pihak-pihak yang berkepentingan dan mempunyai “locus standi” perlu diambil kira ketika membuat tuntutan harta sepencarian serta mengenal pasti kedudukan tuntutan harta sepencarian selepas kematian satu kajian berkenaan “locus standi” pihak waris dalam tuntutan harta sepencarian selepas kematian bagi pihak pasangan suami isteri yang tidak pernah mengemukakan sebarang tuntutan pada masa hidup mereka menurut perspektif fiqh dan undang-undang Islam di Malaysia.( Badriah Hasbulllah, 2017)
- iv- Dari aspek pemilikan: Isu pemilikan harta tanah telah mendominasi kesan implikasi terhadap harta al-mafqud terutama dari perspektif ahli waris. Hal ini merupakan punca utama pembekuan harta al-mafqud di Malaysia (Wan Zahari Wan Yusof, Muhammad Azwan Sulaiman, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari,2019). Selepas diisytihar oleh mahkamah, kesemua harta tidak boleh dipindah milik sebelum ditentukan status al-mafqud.
- v- Dari aspek hakmilik dibatalkan : Isu hakmilik dibatalkan disebabkan dua perkara utama, disebabkan harta tersebut digadaikan kepada institusi kewangan iaitu bank dan keduanya disebabkan isu percukaian. Selepas kes tuntutan harta sepencarian,

harta gagal dipindah milik kerana status harta orang *al-mafqud* telah dibatalkan oleh pihak berkuasa.

**b) Permasalahan Harta *al-Mafqud* :**

- i- Pihak-pihak yang berkepentingan akan mengalami kesukaran untuk menuntut harta sepencarian jika orang yang *al-mafqud* perlu melalui tempoh masa yang ditetapkan di dalam peruntukkan undang-undang.
- ii- Ketidak seragaman peruntukkan Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri di Malaysia. Umum mengetahui tempoh yang ditetapkan di dalam Enakmen Keluarga Negeri-negeri tidak sama dan wujud perbezaan. Keadaan ini akan menampakkan kekeliruan kepada masyarakat berhubung kes ini.
- iii- Secara hakikatnya, peruntukkan kes *al-mafqud* yang wujud di dalam Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri hanya memberi kesan kepada perkahwinan orang yang *al-mafqud* sahaja dan tidak merujuk untuk kes pewarisan harta. Untuk kes pewarisan harta orang yang *al-mafqud*, pihak-pihak boleh merujuk ke mahkamah sivil.
- iv- Isu berikutnya yang akan timbul ialah tentang harta bercagar pihak-pihak yang terlibat dalam isu *al-mafqud* ini. Sudah tentu amat sukar untuk menyelesaikan kes harta-harta yang bercagar lebih-lebih lagi harta tersebut bulan milik sepenuhnya orang yang *al-mafqud*.
- v- Tuntutan-tuntutan kes harta sepencarian orang yang *al-mafqud* ini akan memakan masa yang lama di mahkamah. Ini akan menyebabkan harta-harta orang yang *al-mafqud* gagal diagih dengan cepat dan mengambil tempoh yang lama.
- vi- Umum mengetahui, bahawa harta orang yang *al-mafqud* ini akan akan dibahagikan mengikut faraid setelah pembahagian harta sepencarian dilakukan. Hal ini menunjukkan bahawa setiap harta simati tetap akan dibahagi dan dikongsi dengan seadilnya menurut hukum syarak kepada pihak-pihak yang layak memilikinya.

**DAPATAN KAJIAN**

Kesan *al-Mafqud* menurut hadith adalah bersifat umum dengan menyatakan *al-mafqud* adalah disandarkan kepada orang yang hilang. Pentakrifan hilang tidak dinyatakan secara jelas bentuk-bentuk dan sebab-sebab yang membolehkan seseorang itu diisytiharkan sebagai *al-mafqud*. Tempoh kehilangan berdasarkan hadith pula menunjukkan bahawa tempoh menunggu kepada harta adalah selama setahun. Selepas itu ia boleh diisytiharkan sama seperti wang yang tiada bertuan dan boleh diiklankan.

Manakala dari aspek kesan kehilangan kepada harta dinyatakan secara umum dan kebanyakan menyatakan kesan kepada perkahwinan bukan kepada harta. Hanya terdapat satu hadis yang menyatakan kesan *al-mafqud* menyebabkan harta yang ditinggalkan perlu dibahagikan. Ia juga bersifat umum sama ada kesannya perlu kepada pengagihan secara faraid atau harta sepencarian.



## KESIMPULAN

*Al-Mafqud* adalah isu yang amat memberi kesan kepada masyarakat dari aspek perkahwinan, harta dan emosi. Namun kajian dalam aspek ulasan hadith terhadap isu ini masih kurang dan wajar dikembangkan agar membentuk garis panduan yang lebih jelas dari aspek konsep, kesan terhadap kehidupan, keluarga dan harta. Kajian ini adalah antara sumbangan yang dapat dilakukan sebagai rujukan kepada para pengkaji berkaitan konsep *al-mafqud* menurut hadith dan kesannya terhadap harta sepencarian.

## RUJUKAN

- Abd. Razak, M. (2019, Julai 26). *Kebumikan jasad di tempatnya meninggal*. Retrieved October 10, 2019, from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/39966/SISIPAN/Sinar-Islam/Kebumikan-jasad-di-tempatnya-meninggal>
- Abu al-Abbas, Ahmad bin Muhammad, Ghamzu cUyun al-Basa'ir fi Sharhi al-Ashbah wa al-Naza'ir, Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 1, 1985.
- Abu al-Ma'ali, Burhanuddin Mahmud Bin Ahmad, al-Muhit al-Burhani fi al-Fiqhi al-Nu'mani, Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 1, 2004.
- Ahmad Rofiq. (1988). *Fiqh Al-Mawarith*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husein, Sunan al-Kubra, Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 3, 2003.
- Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad Bin Hussain, *al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 3, 2003.
- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad, Hashiah al-Dusuqi cala al-Sharh al-Kabir, Darul Fikr, t.t.
- Al-Daruqutni, Ali Bin Umar, *Sunan al-Daruqutni*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, cetakan 1, 2001.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad, Al-Wasit fi al-Mazhab, Kaheerah: Darussalam, cetakan 1, 1417
- Al-Khurashi, Muhammad bin Abdullah, Sharh Mukhtasar Khalil, Beirut: Darul Fikr, t.t.
- Al-Mawardi, Ali bin Sulaiman, al-Insaf, Darul Ihya' al-Turath al-Arabi, t.t.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, Raudatu al-Talibin, Beirut: Maktabah Islami, 1991
- Al-Shabuni M.A (1996). "Pembahagian Harta Kepada Waris Menurut Islam". Percetakan Sooriya, Kuala Lumpur.
- Al-Sarkhasi, Muhammad bin Ahmad, al-Mabsut, Beirut: Darul Ma'rifah, 1993.
- Al-Syafie, Muhammad Bin Idris, *al-Umm*. Mansurah: Dar al-Wifa'. cetakan 1, 2001.
- Akta Keterangan (Akta 56). (1950). International Law Book Service .*
- Al-Quran. (n.d.).
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah . (2002).
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005*. (n.d.).
- Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) 1985*. (n.d.).
- Halimatun Sa'adiyah. (2012). *Permohonan Anggapan Kematian Dari Aspek Kekeluargaan Islam: Kajian di Mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibnu al-Humam, Kamaluddin Muhammad Bin Abdul Wahid, *Sharh Fathul Qadir*. Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 1, 2003.
- Ibn Manzur, Jamaluddin, Lisan al-Arab, Beirut: Darul Sadir, cetakan ke 3, 1993.
- Ibn Qudamah, Abdul Rahman bin Muhammad, Al-Sharh al-Kabir ala Matni al-Muqnic, DarulKitab 'Arabi, t.t.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), 2014
- M.A Sulaiman, W.Z Wan Yusoff, & M.D al-Edrus. (2016). Management of Missing Person's (Al-Mafqud) Property in Islamic Perspective: Issues and Challenges. Future Academy (eISSN) 2357-1330.
- Mohamed Hadi . (2014). Anggapan Kematian Al-Mafqud Menurut Undang-Undang Sivil dan Syariah: Satu Penilaian Semasa. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia* 26 (1), 26-37.
- Mohamed Hadi. (2016). Al-Mafqud dan Tragedi MH370: Satu Sorotan Terhadap Implikasi Tragedi Dari Sudut Perlindungan Takaful. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 1-15.
- Mohammad Azam & Alias. (2015). Definisi Wali Dalam Pernikahan: Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia* 27 (2), 201-225.

- Mushaddad , Zaharuddin , & Zahari . (2016). Pewarisan Harta Orang Hilang (Al-Mafqud): Tinjauan Terhadap Pandangan Syariah dan Perlaksanaannya. *Malaysian Journal Syariah and Law (ISSN) Volume 4* 1985-7454.
- Mustaffa, A.-K. (2005). *Al-Fiqh Al Manhaji*. Damsyik: Darul Qalam.
- Muhammad Azwan Sulaiman. Unpublished PhD Thesis, Pembangunan Kerangka Strategi Dalam Penyelesaian Harta al-Mafqud di Malaysia. Universiti Tun Hussein onn Malaysia *Perlembagaan Persekutuan*. (n.d.). International Law Books Services.
- Raihanah Abdullah. (1997). Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh. *Jurnal Syairah* 5(1), 51-62.
- Wahbah al-Zuhaily. (1985). *al-Fiqh al-islami Wa Adilatuhu*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Wan Zahari Wan Yusof, M. A. (2019). Isu dan Penyelesaian Harta Al-Mafqud: Satu Pemerhatian.
- Zulkifli Mohamad. *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke #193 : Suami Hilang, Pulang Selepas 6 Bulan*. Retrieved Mei 10, 2017, from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/864-irsyad-al-fatwa-siri-ke-suami-hilang-pulang-selepas-6-bulan>.
- Halim, A. H. (2010). Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian. *KANUN - Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 26–46. Retrieved from <http://irep.iium.edu.my/3446/>
- Mohamad, M., & Sulaiman, N. (2015). Pengurusan Harta Al-Mafqud di Malaysia dan Pihak-Pihak yang Terlibat. *Book-9: Phd Colloquium Papers*.
- Mohamed Hadi, A. H. (2014). Anggapan Kematian Al-Mafqud Menurut Undang-Undang Sivill dan Syariah: Satu Penilaian Semasa. *Kanun*.
- Norazlina Abdul Aziz, Irini Ibrahim, & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2019). Harta Sepencarian / Aset Perkahwinan Bagi Pembubaran Perkahwinan Di Bawah Undang ( Perkahwinan Dan Perceraian ) 1976 Serta Akta Undang-Undang Keluarga Islam ( Wilayah-Wilayah Persekutuan ) 1984. *Journal of Shariah Law Research*, 4(April 2019), 1–26.
- Sulaiman, M. A. W. Y. (2017). Management Of Missing Person's Properties In Maqasid Syariah Dimension. *Sains Humanika*. <https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-4.1117>
- Wan Yusoff, W. Z., Sulaiman, M. A., & Wan Zahari, W. A. M. (2019). Isu Dan Penyelesaian Harta Al-Mafqud: Satu Pemerhatian (Issues and Solution to Al- Mafqud property: An Observation ). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2-2.381>